



Headline	KLHC tekad pertahan gelaran Liga Hoki M'sia		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	23 Mar 2013	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	29,826
Page No	L-12	Readership	97,836
Language	Malay	ArticleSize	136 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 701
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,102



KLHC tekad pertahan gelaran Liga Hoki M'sia

KUALA LUMPUR: Juara bertahan, Kelab Hoki Kuala Lumpur (KLHC) bertekad mempertahankan kejuaraan buat kali keempat berturut-turut di kejohanan Liga Hoki Malaysia (LHM) Piala TNB 2013, yang membuka tirai pada Jumaat.

Jurulatih KLHC, K. Dharmaraj berkata walaupun kehilangan enam tonggak utama yang berhijrah kepada pasukan pendatang baharu, Terengganu, KLHC masih mampu memberi saingan pada kejo-

hanan tersebut.

"Sebagai pemain mahupun jurulatih, kami mahu memenangi setiap kejohanan. Begitu juga pada kali ini walaupun KLHC kehilangan beberapa pemain utama yang berhijrah ke pasukan Terengganu.

"Bukan sesuatu perkara mudah untuk mempertahankan kejuaraan, namun ia juga bukan sesuatu yang mustahil," katanya yang juga jurulatih skuad junior kebangsaan, di sini.

Enam pemain

kebangsaan yang meninggalkan KLHC dan menyertai Terengganu ialah Mohd Shahrul Nabil, Tengku Ahmad Tajuddin, Azlan Misron, Ismail Abu, Mohd Ameerullah Aziz dan Fitri Saari.

Aksi pembukaan menentang UniKL di Stadium Hoki Nasional, Bukit Jalil, Dharmaraj berkata KLHC tidak mengambil mudah perlawanan tersebut walaupun lawan mereka dibarisi ramai pemain muda.

"UniKL mempunyai ramai pemain berbakat daripada skuad junior kebangsaan dan saya tahu keupayaan mereka. Mana-mana pasukan tidak sepatutnya memandang ringan terhadap pasukan tersebut dan perlu lebih berhati-hati," katanya.

Selain KLHC dan UniKL, lima lagi pasukan yang beraksi dalam saingan Premier LHM 2013 ialah naib juara TNB, Maybank, Sapura, Nur Insafi Warriors dan Terengganu. - Bernama